

02/09/2001

Malam istimewa untuk penyair

Salbiah Ani

MALAM Deklamasi Angkasapuri 2001 yang berlangsung di Auditorium Perdana, Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam ini memecah tradisi kerana buat pertama kali acara seumpama itu diadakan secara besar-besaran dan lintas langsung pula.

Khabarnya, semua gambar sasterawan yang karya mereka dideklamasi atau dilagukan pada majlis ini akan dijadikan sebagai latar belakang pentas berserta puisi mereka.

Program anjuran RTM dengan kerjasama Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) pada malam ini bukan saja menampilkan penyair tersohor dan angkatan muda, tetapi juga penyair bukan Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medan untuk berkarya.

Sasterawan Negara (SN), Datuk A Samad Said, umpamanya meskipun tidak mendeklamasikan puisi, tetapi karyanya, Ufuk Nurani, akan dinyanyikan penyanyi dari Singapura, Ramli Sarip, yang sememangnya mesra dengan puisi Islami.

Sebenarnya Ufuk Nurani dipetik daripada karya Samad, Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah SAW Dalam Puisi dan pernah dipentaskan dalam bentuk teater dengan Ramli turut menjayakannya.

"Saya fikir ini satu sumbangan yang besar kepada dunia puisi tanah air ditambah pula Ramli adalah watak penting dan amat dihargai dalam dunia muzik di Singapura dan Malaysia," katanya.

Penyair muda yang mencipta nama dengan puisi Islami, Rahimidin Zahari, pula akan tampil dengan puisinya Sekepal Tanah, dipetik dari antologi dengan judul serupa dan pernah memenangi Anugerah Sastera Darul Iman III (1995).

"Saya berharap rancangan ini dapat merealisasikan hasrat memasyarakatkan puisi dan memungkinkan tercapainya hasrat pembentukan jati diri bangsa melalui karya sastera dalam bentuk persembahan," katanya.

Penerima SEA Write Award 2000, Lim Swee Tin, yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medan untuknya berkarya akan mendeklamasikan Warga Malaysia @ Selamat, Selamatlah Malaysia manakala puisinya, Sese kali, dilagukan oleh Ras Adibah Radzi.

Lim berpendapat, program ini sepatutnya sudah lama diadakan bagi memartabatkan sastera tanah air dan mengiktiraf pengarang yang banyak memberi sumbangan kepada masyarakat.

"Usaha RTM dan BHSB dalam merealisasi program ini sememangnya dapat meletakkan seni sastera khususnya puisi pada tempat lebih tinggi dan relevan dengan senario negara pada hari ini," katanya yang juga pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penyair yang juga Pengarah DBP cawangan Sabah, Zaini Oje @ Ozea, dijangka menarik perhatian khalayak dengan puisinya, Gedung, Gudang, Gedung yang mementingkan unsur bunyi.

"Puisi sekadar bacaan tidak akan menarik minat khalayak dan saya suka mengambil unsur bunyi dalam usaha menghidupkan persembahan serta mahu penonton terhibur," katanya.

Zaini percaya penyiaran program malam ini secara lintas langsung dengan menampilkan mereka yang berketrampilan dalam deklamasi puisi mampu memartabatkan genre berkenaan.

"Sebenarnya puisi boleh menarik minat remaja sekira kena gayanya, sebagaimana yang kami lakukan ketika perayaan Bandaraya Kota Kinabalu baru-baru ini, sekalipun ia berlangsung di tengah padang," katanya.

Penyair wanita veteran yang diberi penghormatan pada majlis malam ini ialah pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail.

Dr Siti Zainon akan mendeklamasikan puisi Altar Akhir yang memberi peringatan kepada manusia secara umum akan pentingnya konsep syukur dalam kehidupan mereka, keimanan dan ketuhanan.

"Mendeklamasi puisi dengan iringan muzik orkestra bukan pengalaman baru kepada saya kerana sebelum ini saya pernah beraksi dengan Orkestra DBKL pimpinan Johari Salleh pada 1994.

"Ketika itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengadakan program mengenang jasa seniman agung, Allahyarham P Ramlee, tetapi saya mengakuinya ia dapat mendisiplinkan penyair dan pemuzik kerana latihan terpaksa diadakan," katanya.

Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 akan turut mengangkat karya penggiat teater, Khalid Salleh, melalui puisinya Dabus Rohani, tetapi ia akan dilagukan kumpulan Koprata.

Salah seorang anggota Koprata, Syed Imran Syed Omar atau lebih dikenali sebagai Siso berkata, kumpulannya memilih Dabus Rohani kerana ia pernah diperdengarkan di televisyen.

"Sememangnya Khalid tidak mendeklamasikan puisi ini sendiri, tetapi pemilihan karyanya itu menunjukkan beliau juga diraikan sebagai penyair pada majlis ini.

"Program ini sememangnya mahu mengangkat sasterawan Malaysia daripada semua peringkat umur dan bangsa serta pemilihan dilakukan dengan melihat keistimewaan serta kepentingan mereka," katanya.

Justeru puisi SN Datuk Usman Awang juga turut diangkat pada malam ini dan puisinya, Tanahair, dipilih untuk dilagukan dalam bentuk koir di bawah pimpinan Datuk Mokhzani Ismail manakala karya Latiff Mohidin, Katakan Padaku, akan dinyanyikan oleh Ahmad Ramli.

Majlis ini turut mengangkat karya penyair istimewa, JM Aziz, Berkolek Bersajak, yang akan dilagukan Ijam EYE manakala Sesetia Malam Pada Siang karya Siti Zaleha Hashim, dinyanyikan Rozita Eizlyn.

Siti Zaleha menyifatkan usaha RTM dan BHSB sebagai suatu yang amat baik dan secara tidak langsung mengangkat puisi kepada masyarakat sesuai dengan matlamat DBP, memartabatkan bahasa dan sastera negara.

"Program ini juga menetapi usaha mendekatkan generasi muda kepada akar bangsa dan mengenali budaya serta mencintai, selain berbangga dengan negara sendiri," katanya.

Ketua Unit Pembangunan Sastera dan Budaya BHSB, Wan Omar Wan Ahamed, yang lebih dikenali Sutung Umar RS pula akan mendeklamasikan puisinya, Nur Satu.

Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 sebenarnya berputik daripada idea pelopor lagu puisi di Malaysia, Ibrahim Bachik, yang terpukau dengan Bicara Teman Lama karya Tan Sri A Samad Ismail.

Justeru puisi penerima Anugerah Ramon Magsaysay itu yang dijadikan acara kemuncak pada majlis malam ini akan dilagukan secara orkestra oleh Kumpulan Ibrahim Bachik.

Kumpulan Ibrahim Bachik juga akan mempersembahkan puisi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Melayu Mudah Lupa, manakala sebuah lagi puisi Dr Mahathir, Perjuangan Belum Selesai, akan dilagukan oleh Nora.

Puisi Pesan Ibu Beribu-ribu karya Prof Madya Rahman Shaari akan dideklamasikan anaknya, Intan Marhayu manakala Aku Anak Kroni, karya Rahman juga akan dideklamasikan Tengku Khalidah Bidin.

Turut memeriahkan majlis malam ini ialah M Nasir yang akan melagukan Bila Rumi Menari, Ramlah Ram (Menunggu Pertemuan karya Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman) dan Abu Bakar Ellah (Orang Kita).

Mereka yang dijadualkan turut hadir pada malam ini ialah Menteri

Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob, Setiausaha Parlimen Kementerian
Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dan Pengarang Kumpulan BHSB, Datuk
Ahmad Rejal Arbee.

Buku cenderamata Malam Deklamasi Angkasapuri 2001 memuatkan biodata
penyair, puisi, artis dan kumpulan lagu puisi yang menjayakan acara malam
ini ditaja DBP.

(END)